

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 28 April 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, MAC 2023

**Indeks Nilai Seunit Eksport & Import masing-masing menunjukkan
pertumbuhan positif 1.0 peratus dan 0.4 peratus**

PUTRAJAYA, 28 APRIL 2023 – Harga eksport Malaysia pada Mac 2023, merekodkan peningkatan 1.0 peratus daripada 141.4 mata pada bulan sebelumnya kepada 142.6 mata. Sementara itu, indeks nilai seunit import turut meningkat dengan pertumbuhan 0.4 peratus daripada 128.7 mata kepada 129.2 mata. Terma perdagangan Malaysia meningkat 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 110.3 mata pada Mac 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Mac 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barangan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Indeks nilai seunit eksport meningkat 1.0 peratus pada Mac 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.2%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.5%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%). Selain itu, indeks volum eksport meningkat 14.4 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+31.7%), pelbagai barang keluaran kilang (+23.8%) dan alat

jentera & kelengkapan pengangkutan (+14.3%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menurun 1.4 peratus daripada 167.4 mata kepada 165.2 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit eksport kekal positif 0.7 peratus manakala indeks volum menurun 2.1 peratus.”


Indeks nilai seunit import kekal bertumbuh pada Mac 2023 dengan 0.4 peratus, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.0%), makanan (+0.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.49%). Indeks volum import menunjukkan trend positif 10.7 peratus pada Mac 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+27.5%), barang-barang keluaran kilang (+25.9%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+16.5%). Indeks volum import pelarasan bermusim menyusut 4.3 peratus daripada 183.6 mata kepada 175.7 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import kekal positif 2.6 peratus manakala indeks volum merosot 4.2 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia meningkat 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 110.3 mata pada Mac 2023, didorong oleh kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.0%), bahan kimia (+0.8%) dan makanan (+0.6%). Terma perdagangan Malaysia menyusut 1.9 peratus tahun ke tahun daripada 112.4 mata pada Mac tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – Mac 2023**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 APRIL 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, April 28th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, MARCH 2023**

***Export & Import Unit Value Indices showed a positive growth of
1.0 per cent and 0.4 per cent respectively***

PUTRAJAYA, APRIL 28, 2023 – Malaysia's export prices in March 2023 recorded an increase of 1.0 per cent from 141.4 points in the preceding month to 142.6 points. Meanwhile, import unit value index also showed a positive trend with a growth of 0.4 per cent from 128.7 points to 129.2 points. Malaysia's terms of trade rose by 0.6 per cent month-on-month to 110.3 points in March 2023 as reported today in ***EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), March 2023***. This publication presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The export unit value index increased by 1.0 per cent in March 2023 as compared to the previous month, attributed from the increase in the index of animal & vegetable oils & fats (+3.2%), machinery & transport equipment (+1.5%) and miscellaneous manufactured articles (+0.8%). Besides that, the export volume index rose by 14.4 per cent in the same month, in line with the expansion in the index of animal & vegetable oils & fats (+31.7%), miscellaneous manufactured articles (+23.8%) and machinery & transport equipment (+14.3%). The seasonally adjusted export volume index decreased by 1.4 per

cent from 167.4 points to 165.2 points. On an annual comparison, the export unit value index remained positive at 0.7 per cent while the volume index decreased 2.1 per cent.”

The import unit value index continued to grow in March 2023 by 0.4 per cent, supported by the increase in the index of animal & vegetable oils & fats (+3.0%), food (+0.5%) and machinery & transport equipment (+0.49%). The import volume index showed a positive trend of 10.7 per cent in March 2023 as compared to the previous month, attributed to the increase in the index of miscellaneous manufactured articles (+27.5%), manufactured goods (+25.9%) and machinery & transport equipment (+16.5%). The seasonally adjusted import volume index decreased by 4.3 per cent from 183.6 points to 175.7 points. On a year-on-year basis, the import unit value index remained positive at 2.6 per cent while the volume index declined by 4.2 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported Malaysia’s terms of trade rose by 0.6 per cent month-on-month to 110.3 points in March 2023, in accordance with the increase in the index of machinery & transport equipment (+1.0%), chemicals (+0.8%) and food (+0.6%). Malaysia’s terms of trade decreased by 1.9 per cent year-on-year from 112.4 points in March of previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – March 2023

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

28 APRIL 2023